

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	17 APRIL 2017

Dr. Mahathir terlepas pandang fakta - Idris

Oleh MOHAMAD HARITH
MOHAMAD NIZAR

pengarang@utusan.com.my

■ MELAKA 16 APRIL

BEKAS Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad mungkin terlepas pandang beberapa fakta berhubung tujuan pembinaan Melaka Gateway.

Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron yang menyatakan perkara itu turut mempersoalkan tindakan Dr. Mahathir apabila memberitahu, projek mega berkenaan juga merupakan antara usaha untuk mencapai Wawasan 2020 yang diilhamkan sendiri oleh bekas Perdana Menteri berkenaan sebelum ini.

“Pembangunan bagi pelabuhan Melaka sudah lama dibincangkan sebelum ini, malah merupakan antara perkara yang tertutup pada era Dr. Mahathir.

“Saya sedar projek mega ini akan berdepan dengan pelbagai kritikan tetapi bukanlah sesuatu dakwaan itu datangnya daripada seseorang yang bertanggungjawab dalam mempopularkan polisi Pandang ke Timur serta Wawasan 2020 untuk kebaikan negara ini,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Portal berita *Free Malaysia To-*



IDRIS HARON



DR. MAHATHIR

day hari ini menyiarkan dakwaan Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu dengan memetik laporan *The South China Morning Post* (SCMP) semalam.

Dalam laporan tersebut, Dr. Mahathir mengkritik projek Melaka Gateway bernilai RM43 bilion sebagai satu lagi petanda kerajaan Persekutuan menyerahkan kedaulatan negara kepada China demi manfaat politik jangka pendek.

Idris memberitahu, projek mega tersebut sebenarnya adalah satu perancangan ekonomi dan semua pihak yang bertanggungjawab telah melakukan pertimbangan yang sepatutnya sebelum membuat keputusan.

“Tidak seperti projek Litar Sepang yang menggunakan pembiayaan domestik, projek-projek pelaburan asing seperti pelabuhan Melaka ini melihat teras ekonomi

yang berterusan untuk tempoh sedekad akan datang,” katanya.

Beliau menjelaskan, pelaburan melibatkan China dengan negara-negara ASEAN bakal mencecah AS\$1 trilion (RM4.40 trilion) dalam masa lima tahun lagi.

Justeru katanya, pelabuhan Melaka boleh menjadi salah satu pintu masuk utama ke negara-negara ASEAN berdasarkan kedudukan geografinya.

Ketua Menteri berkata, Melaka hanyalah sebuah negeri yang kecil dengan berbekalkan sumber yang terhad, menyebabkan kerajaan negeri perlu lebih kreatif dan berdaya tahan jika mahu kekal bersaing.

“Kualiti haruslah menjadi penanda aras. Pelabuhan kita mesti berada sebaris jika tidak lebih baik berbanding dengan pelabuhan-pelabuhan moden yang menjadi pilihan pihak lain.

“Ketika ini, penanda aras yang terbaik adalah China. Jangan lupa, kita pernah dikenali sebagai sebuah pelabuhan yang terbaik pada abad ke-14 dan saya percaya dengan adanya projek ini, kegemilangan pelabuhan Melaka bakal kembali,” katanya.

Um - 17/4/2017